

27/03/2001

Usah terlalu khusyuk pada fahaman politik kepartian

KUALA LUMPUR, Isnin - Tiga tokoh agama hari ini meminta umat Islam supaya jangan terlalu khusyuk kepada fahaman politik kepartian sehingga sanggup mengetepikan kepentingan bersama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig Jen (B) Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin; penasihat agama kepada Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman dan Tokoh Ma'al Hijrah tahun ini, Datuk Dr Ismail Ibrahim, sependapat bahawa isu perpaduan Melayu tidak harus dipolitikkan.

Abdul Hamid berkata, umat Islam seharusnya tidak berbalah sesama sendiri apabila kepentingan bersama digugat oleh mana-mana pihak dan sebaliknya bersatu dengan meminggirkan soal kepentingan politik.

"Segala perkara yang bersangkutan paut kepentingan bersama, kepentingan umat tanpa mengira parti, janganlah lagi kita berbalah. Ini harus kita hadapi bersama, tangani bersama... jangan terbawa-bawa fahaman parti masing-masing hingga kita terpaksa membenamkan kepentingan bersama.

"Ini ertinya tempah bahaya. Jangan kelirukan soal parti politik. Parti politik lain sikit, ada kefahaman dan ideologi masing-masing. Ini tidak salah tetapi janganlah sampai pula ditafsirkan parti politik itu agama, lain pula jadinya," katanya selepas menghadiri majlis sambutan Maal Hijrah peringkat Kebangsaan di Stadium Putra, Bukit Jalil, dekat sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya umat Islam mengetepikan fahaman politik dan merapatkan barisan bagi mempertahankan kepentingan agama jika ada cabaran terhadap orang Islam.

Dr Mahathir dalam perutusan sempena sambutan Maal Hijrah 1422 hari ini berkata, perpaduan di kalangan rakyat sudah tergugat dan terancam ekoran pelbagai desakan dan tuntutan melampau oleh pihak tertentu, terutama sejak selepas pilihan raya 1999 yang menjurus ke arah perpecahan.

Dr Abdul Hamid pula berkata, umat Islam dalam usaha memperkembangkan lagi syiar Islam perlu mengetepikan kepentingan parti demi mempertahankan hak bersama.

Katanya, perpaduan Melayu tidak bercanggah dengan perpaduan nasional dan unsur-unsur yang dijamin dalam perlembagaan ialah asas kepada perpaduan nasional itu.

"Bahasa Melayu adalah hak Bumiputera dan Islam pula agama rasmi, mengapa pula ia perlu diungkitkan lagi," katanya sebagai merujuk sebagai tuntutan sesetengah pihak berkaitan hak keistimewaan orang Melayu.

Sementara itu, Dr Ismail berkata, jumlah umat Islam yang cuma 54 peratus di negara ini akan terus menjadi kecil jika mereka berpecah dan gagal untuk mempertahankan kepentingan bersama.

"Dalam apa-apa hal yang merupakan satu usaha mempertahankan Islam atau menghadapi musuh utama Islam, kalau kita berpecah kerana politik... maka kita akan menjadi minoriti.

"Jika ini berlaku, tidak ada hak untuk kita menuntut sesuatu itu atas nama minoriti. Kita harus bersatu dalam menegakkan agama, mempertahankan agama kerana kedaulatan agama," katanya.

Beliau yang juga Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) berkata, umat Islam tidak boleh menggunakan isu politik kepartian dan berpecah-belah dalam menghadapi isu agama, apatah lagi jika ada cabaran terhadap umat Islam.

(END)